



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 19 Mei 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>Lapor Pusat Jagaan Kanak-Kanak Tanpa Lesen Kepada JKM, Gesa Suhakam</p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2023/05/18/lapor-pusat-jagaan-kanak-kanak-tanpa-lesen-kepada-jkm-gesa-suhakam/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempat-an/2023/05/18/lapor-pusat-jagaan-kanak-kanak-tanpa-lesen-kepada-jkm-gesa-suhakam/</a></p>	FMT
2	<p>JKM Diminta Kaji Bantuan Lima OKU Lembam, Rumah Terbakar – Zuhairi</p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/jkm-diminta-kaji-bantuan-lima-oku-lembam-rumah-terbakar-zuhairi/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/jkm-diminta-kaji-bantuan-lima-oku-lembam-rumah-terbakar-zuhairi/</a></p>	Utusan
3	<p>Cuaca Panas: Kemas Beri Kelonggaran Tidak Hantar Anak Ke Tabika, Taska</p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259170/berita/nasional/cuaca-panas-kemas-beri-kelonggaran-tidak-hantar-anak-ke-tabika-taska">https://www.sinarharian.com.my/article/259170/berita/nasional/cuaca-panas-kemas-beri-kelonggaran-tidak-hantar-anak-ke-tabika-taska</a></p>	Sinar Harian

4	<p><b>Reman Pengasuh Kasari Dua Bayi Akan Disambung</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/18/reman-pengasuh-kasari-dua-bayi-akan-disambung/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/18/reman-pengasuh-kasari-dua-bayi-akan-disambung/</a></p> <p><a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/05/18/dera-dua-bayi-polis-mohon-lanjutan-perintah-reman-terhadap-pengasuh-21-tahun">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2023/05/18/dera-dua-bayi-polis-mohon-lanjutan-perintah-reman-terhadap-pengasuh-21-tahun</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/polis-johor-lengkapkan-siasatan-kes-dera-bayi-di-taska-KB10992697">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/polis-johor-lengkapkan-siasatan-kes-dera-bayi-di-taska-KB10992697</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259119/berita/semasa/polis-siapkan-kertas-siasatan-pengasuh-tular-dera-bayi">https://www.sinarharian.com.my/article/259119/berita/semasa/polis-siapkan-kertas-siasatan-pengasuh-tular-dera-bayi</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>MStar</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Sinar Harian</p>
5	<p><b>Setahun Buat 'Kerja' Imigresen, Wanita Kaut Jutaan Ringgit</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1103114/setahun-buat-kerja-imigresen-wanita-kaut-jutaan-ringgit">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1103114/setahun-buat-kerja-imigresen-wanita-kaut-jutaan-ringgit</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/968317/wanita-kaya-raya-buat-kerja-imigresen-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/968317/wanita-kaya-raya-buat-kerja-imigresen-metrotv</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=-WPzrXGGtQQ">https://www.youtube.com/watch?v=-WPzrXGGtQQ</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259182/berita/semasa/jadi-ejen-imigresen-haram-wanita-ditahan-kaut-jutaan-ringgit">https://www.sinarharian.com.my/article/259182/berita/semasa/jadi-ejen-imigresen-haram-wanita-ditahan-kaut-jutaan-ringgit</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-ditahan-kaut-jutaan-ringgit-berlagak-jadi-ejen-imigresen-CB10993230">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-ditahan-kaut-jutaan-ringgit-berlagak-jadi-ejen-imigresen-CB10993230</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2190225">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2190225</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p>
6	<p><b>Pensyarah Wanita Rugi Lebih RM2.5 Juta Angkara 'Scammer'</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/pensyarah-wanita-rugi-lebih-rm2-5-juta-angkara-scammer/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/pensyarah-wanita-rugi-lebih-rm2-5-juta-angkara-scammer/</a></p> <p><a href="https://suara.tv/18/05/2023/pensyarah-wanita-rugi-rm2-57-juta-ditipu-sindiket-scammer/">https://suara.tv/18/05/2023/pensyarah-wanita-rugi-rm2-57-juta-ditipu-sindiket-scammer/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Suara TV</p>

7	<p><b>Mayat Wanita Ditemui Dalam Rumah Terkunci</b></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-ditemui-dalam-rumah-terkunci/">https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-ditemui-dalam-rumah-terkunci/</a></p>	Buletin TV3
8	<p><b>Warga Emas Rogol Anak Saudara OKU Dijel 15 Tahun, 10 Sebatan</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/18/warga-emas-rogol-anak-saudara-oku-dipenjara-15-tahun-10-sebatan/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/18/warga-emas-rogol-anak-saudara-oku-dipenjara-15-tahun-10-sebatan/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/18/rogol-anak-saudara-oku-warga-emas-dipenjara-15-tahun-10-sebatan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/18/rogol-anak-saudara-oku-warga-emas-dipenjara-15-tahun-10-sebatan/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=UwiAUiWgix8">https://www.youtube.com/watch?v=UwiAUiWgix8</a></p> <p><a href="https://mykmu.net/2023/05/18/rogol-anak-saudara-oku-warga-emas-dapat-habuan-penjara-15-tahun-10-sebatan/">https://mykmu.net/2023/05/18/rogol-anak-saudara-oku-warga-emas-dapat-habuan-penjara-15-tahun-10-sebatan/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/968142/warga-emas-dipenjara-15-tahun-10-sebatan-kerana-rogol-anak-saudara-lembam">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/968142/warga-emas-dipenjara-15-tahun-10-sebatan-kerana-rogol-anak-saudara-lembam</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=lc6BtxIsyww">https://www.youtube.com/watch?v=lc6BtxIsyww</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>FMT</p> <p>Harian Metro</p> <p>Mykmu</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>
9	<p><b>OKU Mengaku Tembak Polis [METROTV]</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/05/968217/oku-mengaku-tembak-polis-metrotv">https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/05/968217/oku-mengaku-tembak-polis-metrotv</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/lelaki-oku-didakwa-tembak-polis-miliki-senjata-api-dan-dadah-DB10992643">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/lelaki-oku-didakwa-tembak-polis-miliki-senjata-api-dan-dadah-DB10992643</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2190172">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2190172</a></p> <p><a href="https://wartaoriental.com/2023/05/19/lelaki-oku-mengaku-salah-tembak-polis-miliki-senjata-api-dadah/">https://wartaoriental.com/2023/05/19/lelaki-oku-mengaku-salah-tembak-polis-miliki-senjata-api-dadah/</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/lelaki-oku-mengaku-salah-tembak-polis-miliki-senjata-api-dadah/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/lelaki-oku-mengaku-salah-tembak-polis-miliki-senjata-api-dadah/</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Utusan</p>

	<a href="https://headtopics.com/my/lelaki-oku-didakwa-tembak-polis-miliki-senjata-api-dan-dadah-the-malaysian-insight-39287714">https://headtopics.com/my/lelaki-oku-didakwa-tembak-polis-miliki-senjata-api-dan-dadah-the-malaysian-insight-39287714</a>	Headtopics
10	<p>Rumah Pusaka Hangus, 3 Beradik OKU Selamat Diri Melalui Pintu Dapur</p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1102942/rumah-pusaka-hangus-3-beradik-oku-selamat-diri-melalui-pintu-dapur">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1102942/rumah-pusaka-hangus-3-beradik-oku-selamat-diri-melalui-pintu-dapur</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/18/rumah-pusaka-terbakar-tiga-beradik-oku-tinggal-sehelai-sepinggang/">https://malaysiagazette.com/2023/05/18/rumah-pusaka-terbakar-tiga-beradik-oku-tinggal-sehelai-sepinggang/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/259129/edisi/pahang/terkilan-gagal-selamatkan-barang-tinggalan-arwah-bapa">https://www.sinarharian.com.my/article/259129/edisi/pahang/terkilan-gagal-selamatkan-barang-tinggalan-arwah-bapa</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=KTCzlhDqRXY">https://www.youtube.com/watch?v=KTCzlhDqRXY</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p>

## LAPOR PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK TANPA LESEN KEPADA JKM, GESA SUHAKAM

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/18/lapor-pusat-jagaan-kanak-kanak-tanpa-lesen-kepada-jkm-gesa-suhakam/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (Suhakam) menyeru masyarakat mengambil peranan melaporkan pusat penjagaan kanak-kanak tidak berlesen atau tidak berdaftar kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) susulan kejadian penderaan, baru-baru ini.

Pesuruhjaya Kanak-Kanak Suhakam, Farah Nini Dusuki dalam kenyataan, berkata masyarakat harus menyedari tanggungjawab kolektif serta impak tindakan mereka dalam menyokong usaha kerajaan mengekang insiden penderaan kanak-kanak daripada terus berlaku.

Katanya, ibu bapa dan penjaga turut berperanan penting dalam mengekang masalah itu.

“Walaupun kerajaan mempunyai kewajipan dalam melindungi hak kanak-kanak, pada masa sama ibu bapa dan penjaga juga perlu cakna tentang tahap kecekapan individu yang diamanahkan untuk menjaga anak mereka.

“Mereka juga perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan seperti mencari pusat penjagaan kanak-kanak atau pengasuh yang memenuhi syarat ditetapkan undang-undang dan dikawal selia oleh JKM,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menggesa kanak-kanak yang telah mencapai usia matang diberikan kesedaran meluas mengenai isu memberikan kesan kepada mereka.

“Pengetahuan dan maklumat mengenai hak kanak-kanak harus disebarkan, setara dengan usia mereka.

“Keupayaan mereka untuk memahami tentang keselamatan diri dan rakan mereka adalah penting dalam membantu melaporkan kejadian penderaan kanak-kanak kepada orang dewasa apabila mereka menjadi mangsa atau menyaksikan kejadian penderaan,” katanya.

## **JKM DIMINTA KAJI BANTUAN LIMA OKU LEMBAM, RUMAH TERBAKAR – ZUHAIRI**

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/jkm-diminta-kaji-bantuan-lima-oku-lembam-rumah-terbakar-zuhairi/>

**Sumber : Utusan**



KUANTAN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri diminta mengkaji semula bantuan disalurkan kepada lima orang kelainan upaya (OKU) kategori lembam setelah kediaman mereka terbakar di Kampung Rumbia, Beserah di sini.

Lima anak istimewa itu adalah Mohamad Asrul Nizam Abdul Rani, 38, Siti Nurul Ashikin, 35, Mohamad Iskandar, 31, Mohamad Ikmal Hakimi, 24, dan Mohamad Amir Azwan, 20.

Pengerusi Pertubuhan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (PPNP), Datuk Seri Zuhairi Ab. Kadir berkata, lima beradik OKU tersebut berdepan ujian cukup besar dalam hidup mereka bermula kehilangan ibu bapa tercinta yang meninggal dunia pada April tahun lalu dan Mac lalu, kini hilang pula tempat tinggal.

“Ini ujian cukup besar buat lima OKU tersebut. Jadi PPNP berharap JKM Pahang kaji semula bantuan disalurkan kepada mereka.

“Mungkin JKM boleh membuat penambahan nilai bantuan ataupun inisiatif lain bagi membantu lima OKU ini dalam meneruskan kelangsungan hidup mereka,” katanya ketika ditemui selepas hadir menyampaikan sumbangan kepada OKU berkenaan di Kampung Rumbia di sini hari ini.

Bapa adik beradik tersebut, Abdul Rani Mat, 63, meninggal dunia 18 Mac lalu kerana masalah kegagalan oksigen manakala ibu mereka, Zawiyah Mahmud, 58, meninggal dunia pada 24 April tahun lalu.

Kini tugas menjadi lima adik beradik OKU tersebut diambil alih sepenuhnya oleh Nurul Aina Fitrah, 28, dan kakaknya, Nur Azuraida, 40,.

Zuhairi berharap sumbangan PPNP dapat meringankan beban lima OKU itu terutama kakak mereka, Nurul Aina Fitrah dan Nur Azuraida yang menjaga dan menguruskan kebajikan anak istimewa berkenaan.

Dalam pada itu, beliau berharap pelbagai pihak tampil membantu lima OKU tersebut yang berdepan ujian cukup besar dalam hidup mereka.

“Mereka ini bukan sahaja berdepan ujian sebagai OKU malah ujian kehilangan ibu tercinta, selepas itu ayah dan kini hilang pula tempat mereka berteduh,” katanya.

Beliau berpandangan, musibah dihadapi lima OKU itu sebenarnya ujian kepada rakyat berhubung apa tindakan yang diambil masyarakat bagi membantu mereka.

Menurutnya, pada Ogos tahun lalu, anak-anak istimewa itu menerima kunjungan Kelab Motosikal Berkuasa Tinggi, Daz Bikers diketuainya yang hadir menyampaikan sumbangan kepada mereka. – UTUSAN

## **CUACA PANAS: KEMAS BERI KELONGGARAN TIDAK HANTAR ANAK KE TABIKA, TASKA**

<https://www.sinarharian.com.my/article/259170/berita/nasional/cuaca-panas-kemas-beri-kelonggaran-tidak-hantar-anak-ke-tabika-taska>

**Sumber : Sinar Harian**



BACHOK - Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) memberi kelonggaran kepada ibu bapa untuk tidak menghantar anak mereka ke tabika serta taska pada musim panas ini, kata Ketua Pengarahnya, Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengeluarkan arahan kepada semua guru kelas sejak 27 April lepas di bawah Arahan Pentadbiran Bilangan 7 melibatkan tabika dan taska seluruh negara.

"Arahan ini melibatkan 10,800 tabika dan 550 taska dengan 218,000 kanak-kanak mengikuti pembelajaran di bawah Kemas seluruh negara.

"Kita juga bersedia mempertimbangkan penutupan terus tabika dan taska sekiranya suhu mencecah 40 darjah Celcius dan ke atas bagi tujuan keselamatan kepada kanak-kanak berkenaan," katanya selepas Program Jom Masuk Kampung Peringkat Negeri Kelantan di Kampung Kubang Telaga, di sini hari ini.

Turut hadir Presiden Warisan Bachok Gemilang, Datuk Yusri Che Noh dan Pengarah Kemas Kelantan, Hashim Alang Abdul Hamid.

Ahmad Kamal berkata, satu garis panduan dibuat kepada guru supaya sentiasa memantau suhu persekitaran iaitu sekiranya 35 hingga 37 darjah Celcius, mereka dibenarkan tidak melakukan aktiviti di luar bilik darjah.

"Dari segi pengudaraan, kelas tidak ada penyaman udara kalau ada pun tidak mampu menampung keadaan cuaca panas, jadi guru diminta membuka tingkap.

"Kalau tahap suhu 37 hingga 40 darjah Celcius, kita sudah beri arahan dan garis panduan supaya kelas ditutup melibatkan kanak-kanak berusia dua hingga lapan tahun yang belajar di tabika serta taska," katanya.

Menurutnya pihak Kemas ada menerima beberapa laporan daripada tabika dan taska di Kelantan, Johor dan negeri lain berhubung situasi cuaca panas, tetapi setakat ini belum ada sebarang kes berkaitan keadaan tersebut.

Katanya jabatan itu akan memantau dari semasa ke semasa dan laporan perlu dibuat secara prosedur termasuk memaklumkan kepada pegawai daerah serta pengarah negeri untuk sebarang kelulusan. – Bernama

## REMAN PENGASUH KASARI DUA BAYI AKAN DISAMBUNG

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/18/reman-pengasuh-kasari-dua-bayi-akan-disambung/>

Sumber : Kosmo



JOHOR BAHRU – Tempoh reman ke atas seorang pengasuh yang didakwa mengasari dua bayi di Mutiara Rini, Skudai di sini akan disambung memandangkan akan tamat esok.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, permohonan reman itu akan dibuat bagi membolehkan pihaknya melengkapkan kertas siasatan terhadap suspek berusia 21 tahun itu.

“Kita akan sambung reman memandangkan reman akan tamat masa terdekat (esok). Siasatan masih lagi dijalankan dan kita akan lengkapkan kertas siasatan untuk dapatkan beberapa bukti lagi.

“Apabila selesai siasatan termasuk laporan perubatan (terima), kita akan bawa kertas siasatan ke pihak pendakwa raya untuk mendapatkan nasihat lanjut,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di Dewan Masjid Tunku Laksamana Abdul Jalil, IPK Johor di sini, hari ini.

Berangkat ke majlis itu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan dua anakandanya, Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar.

Pada masa sama, ketika ditanya mengenai dakwaan video dera yang tersebar di media sosial itu adalah video lama, beliau berkata polis masih mengkaji video berkenaan.

“Pasal itu (video lama), kita akan siasat dulu dan akan kaji bila video (kejadian) itu. Lihat pada penyebarannya macam benda baharu. Bagaimanapun, kita akan teliti lagi,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini tiada laporan polis baharu dibuat oleh mana-mana ibu bapa berhubung kes dera sama ada membabitkan suspek yang sama atau sebaliknya.

“Buat masa ini tiada (laporan polis baharu), tetapi akhir-akhir ini kita dapati memang ada beberapa kejadian (dera) yang berlaku, tetapi yang ada laporan polis, kita sudah siasat,” jelasnya.

Isnin lalu, tular di media sosial dua video berdurasi 48 saat dan 39 saat memaparkan seorang wanita mengasari seorang bayi.

Pengasuh taska swasta yang ditahan kira-kira pukul 2 pagi Selasa lalu kemudian ditahan reman empat hari sehingga hari ini bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 31(1)(A) Akta Kanak-kanak 2001. – KOSMO! ONLINE

## **SETAHUN BUAT 'KERJA' IMIGRESEN, WANITA KAUT JUTAAN RINGGIT**

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1103114/setahun-buat-kerja-imigresen-wanita-kaut-jutaan-ringgit>

**Sumber : Berita Harian**

KUALA LUMPUR: Seorang wanita hidup mewah selepas mengaut jutaan ringgit dengan menawarkan khidmat memperbaharui Permit Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan pendaftaran Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) warga asing.

Wanita berusia 48 tahun itu seolah-olah menjadi 'ejen' kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) hasil kegiatannya sejak setahun lalu, sedangkan pihak terbabit tidak pernah melantik mana-mana pihak untuk urusan berkenaan.

Kegiatannya terbongkar susulan serbuan dilakukan JIM Kuala Lumpur di dua lokasi membabitkan kediamannya di sebuah kondominium di Taman Melati Utama serta sebuah pejabat di Taman Sri Rampai, di sini, semalam.

Pengarah Imigresen Kuala Lumpur, Syamsul Badrin Mohshin, berkata serbuan menerusi Ops Serkap itu hasil risikan Unit Risikan Operasi Atipsom Bahagian Penguatkuasa JIM Kuala Lumpur selama sebulan.

"Suspek yang mempunyai syarikat pembinaan disyaki bertindak seolah-olah ejen yang menjalankan khidmat memperbaharui PLKS dengan harga RM8,300 sekeping, selain turut menawarkan khidmat pendaftaran slip rekalibrasi dengan bayaran RM2,000 kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) warga Bangladesh.

"Hasil serbuan pertama kira-kira jam 11 pagi di unit kondominium, menemukan 314 pasport Bangladesh, masing-masing seunit komputer riba, komputer dan mesin pencetak, 17 keping kad Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), tujuh telefon pintar pelbagai jenama, tujuh kad bank dan turut dirampas wang tunai berjumlah RM61,550. Suspek turut ditahan di rumah itu.



Bahan bukti rampasan pada sidang media Tangkapan Ops Serkap di Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. - NSTP/ Genes Gulitah

"Operasi itu membawa kepada serbuan susulan sekitar jam 12.20 tengah hari di sebuah premis pejabat di Taman Sri Rampai dan pihak imigresen merampas antaranya 53 pasport Bangladesh, masing-masing seunit komputer dan mesin pencetak, 198 keping kad CIDB, enam keping kad pekerja asing (i-Kad), tujuh buku rekod bayaran, lapan fail syarikat, tiga keping lesen syarikat, seunit dekoder CCTV dan seunit telefon pintar," katanya dalam sidang media di Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN), di sini, hari ini.

Beliau berkata, berdasarkan jumlah bayaran dikenakan suspek, pihaknya percaya wanita terbabit boleh mengaut keuntungan mencecah jutaan ringgit selama kira-kira setahun beroperasi.

Siasatan awal juga mendapati wanita berkenaan turut dibantu warga Bangladesh bagi mendapatkan pelanggannya dan JIM turut menahan tiga lelaki warga Bangladesh berusia antara 42 hingga 48 tahun mengikut Akta Pasport 1959/63 untuk siasatan lanjut.

## PENSYARAH WANITA RUGI LEBIH RM2.5 JUTA ANGGARA ‘SCAMMER’

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/pensyarah-wanita-rugi-lebih-rm2-5-juta-anggara-scammer/>

Sumber : Utusan



KUANTAN: Seorang wanita kerugian lebih RM2.5 juta selepas terpedaya dengan sindiket penipuan yang menyamar sebagai ejen insurans.

Ketua Polis negeri, Datuk Yahaya Othman berkata, mangsa berkenaan berusia 52 tahun dan bekerja sebagai pensyarah di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di sini.

Menurutnya, berdasarkan hasil siasatan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, mangsa kehilangan hampir kesemua wang simpanan membabitkan dua akaun banknya.

“Berdasarkan siasatan awal, Januari lalu mangsa menerima panggilan telefon menyatakan terlibat dengan tuntutan insuran palsu dan pengubahan wang haram.

“Kemudiannya, mangsa diminta membuka dua akaun bank untuk akaun siasatan dan turut diarahkan memindahkan wang dari akaunnya ke akaun yang baharu dibuka.

“Suspek meminta mangsa untuk memberi maklumat perbankan miliknya beserta gambar kad ATM dan kata laluan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Yahya berkata, mangsa mula merasa ditipu setelah gagal menghubungi suspek .

Katanya lagi, dalam masa yang sama mangsa mendapati wang yang dipindahkan sebanyak RM2.57 juta ke akaun sementara juga tidak diperolehi.

“Mangsa membuat laporan polis semalam dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan, kesalahan menipu,” katanya. – UTUSAN

## MAYAT WANITA DITEMUI DALAM RUMAH TERKUNCI

<https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-ditemui-dalam-rumah-terkunci/>

Sumber : Buletin TV3



KOTA KINABALU: Mayat seorang wanita ditemui dalam sebuah rumah yang terkunci di Taman Likas Jaya, petang tadi.

Difahamkan, mayat ditemukan dalam keadaan tertiarap di tepi katil di dalam bilik tidur di rumah terbabit.



Anggota bomba membuka pagar besi rumah mangsa menggunakan peralatan khas. – FOTO: ihsan Bomba

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, berkata pihaknya menerima panggilan jam 4.24 petang daripada hospital yang memohon bantuan untuk membuka pintu pagar rumah yang terkunci.

Sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Kinabalu bersama jentera digerakkan ke lokasi berkenaan.

Sebaik tiba di lokasi kejadian, pasukan bomba membuka pintu pagar menggunakan peralatan khas.

Mayat mangsa kemudian dibawa keluar dan diserahkan kepada pihak ambulans untuk tindakan lanjut.

Operasi tamat pada 4.45 petang.

## **WARGA EMAS ROGOL ANAK SAUDARA OKU DIJEL 15 TAHUN, 10 SEBATAN**

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/18/warga-emas-rogol-anak-saudara-oku-dipenjara-15-tahun-10-sebatan/>

**Sumber : Kosmo**



TAWAU – Mahkamah Sesyen di sini hari ini menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun serta 10 kali sebatan ke atas seorang warga emas selepas mengaku bersalah merogol anak saudaranya yang juga orang kurang upaya (OKU) lembam tahun lalu.

Hukuman itu dibuat Hakim Rosli Ahmad ke atas tertuduh yang berusia 60 tahun. Mahkamah memerintahkan hukuman itu berjalan bermula dari tarikh tangkapan pada 6 April 2022.

Tertuduh yang bekerja sebagai buruh ladang didakwa merogol mangsa yang berusia 20 tahun ketika kejadian di dalam tandas rumah pekerja ladang kelapa sawit di Semporna pada pukul 12.30 tengah malam, 7 Mac lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara tidak kurang 10 tahun dan tidak melebihi 30 tahun serta sebatan.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Syahnidzam Ahmad manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh tinggal bersama mangsa dan ibunya. Mangsa bangun untuk ke tandas pukul 12.30 tengah malam sebelum diekori suspek lalu merogolnya pada hari berkenaan

Kejadian terkutuk itu disaksikan sendiri oleh ibu mangsa sebelum membuat laporan polis.

Tertuduh dalam rayuannya memohon hukuman ringan kerana mempunyai penyakit kencing manis. – KOSMO! ONLINE

## **OKU MENGAKU TEMBAK POLIS [METROTV]**

<https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/05/968217/oku-mengaku-tembak-polis-metrotv>

**Sumber : Harian Metro**



Kota Tinggi: Seorang lelaki Orang Kurang Upaya (OKU) mengaku bersalah atas tujuh pertuduhan pelbagai kesalahan termasuk memiliki senjata api, dadah dan melepaskan tembakan ke arah anggota polis.

Tertuduh, Muhamad Firdaus Paiman, 35 yang kudung kaki kiri membuat pengakuan itu, selepas empat pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Sazlina Safie di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi di sini, hari ini.

Mengikut kertas pertuduhan pertama, tertuduh didakwa memiliki pistol jenis Beretta Gardone VT dan selaras senapan patah buatan sendiri dengan menyalahi undang-undang dalam sebuah

kereta di tepi Masjid Al Ikhwan Gugusan Adela di sini, pada kira-kira jam 1 pagi pada 10 Mei lalu.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 dan boleh dihukum maksimum 14 tahun serta sebatan maksimum enam kali.

Pertuduhan kedua, Muhamad Firdaus didakwa memiliki tiga butir peluru jenis Kartus 12 Bore dan empat butir peluru jenis 9 milimeter (mm) tanpa lesen senjata.

Pertuduhan ketiga, bapa tunggal itu turut didakwa memiliki selaras senapang angin buatan sendiri tanpa lesen senjata pada 10 Mei 2023 kira-kira jam 2.30 pagi di sebuah rumah dekat Felda Tunggal.

Pertuduhan keempat pula, lelaki berkenaan turut didakwa memiliki satu butir peluru jenis Kartus 12 Bore tanpa lesen senjata. Bagi pertuduhan pertama, kedua dan keempat lokasi, tarikh dan waktu adalah sama.

Bagi pertuduhan kedua, ketiga dan keempat, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 8 Akta Senjata 1960 dimana boleh dihukum penjara maksimum tujuh tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Irsyad Mardi, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sazlina menetapkan 15 Jun ini bagi sebutan semula kes dan keputusan penghakiman sementara menunggu laporan kimia.

Sementara itu, Muhamad Firdaus juga mengaku bersalah atas tiga pertuduhan lain di Mahkamah Majistret Kota Tinggi di sini, di hadapan Majistret Rashidah Baharom.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melepaskan tembakan menggunakan senjata api dengan niat menyebabkan kecederaan terhadap seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal bagi menghalang penangkapannya di bulatan Lotus Desaru Bandar Penawar, Pengerang kira-kira jam 3.35 petang pada 7 Jun 2016.

Bagi pendakwaan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 3 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 yang membawa hukuman mati.

Pertuduhan kedua, tertuduh didakwa memiliki dadah jenis Nimetazepam seberat 0.44 gram di tepi jalan Masjid Jamek Al Ikhwan Gugusan Felde Adela di sini kira-kira jam 1 pagi pada 10 Mei lalu.

Pertuduhan ketiga, tertuduh turut didakwa memiliki dadah jenis Kanabis seberat 0.90 gram di lokasi dan masa yang sama.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Khairuddin Khalid.

Rashidah kemudian menetapkan 6 Julai untuk sebutan semula kes berkenaan dan memindahkan kes tersebut di Mahkamah Majistret Pengerang.

## **RUMAH PUSAKA HANGUS, 3 BERADIK OKU SELAMAT DIRI MELALUI PINTU DAPUR**

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1102942/rumah-pusaka-hangus-3-beradik-oku-selamat-diri-melalui-pintu-dapur>

### **Sumber : Berita Harian**

KUANTAN: Empat beradik termasuk tiga berstatus orang kurang upaya (OKU) tinggal sehelai sepinggang selepas rumah peninggalan orang tua mereka di Kampung Rumbia, Beserah, di sini, hangus dalam kebakaran petang semalam.

Ketika kejadian kira-kira jam 5.58 petang itu, tiga beradik berstatus OKU berusia 20 hingga 35 tahun berada di rumah, manakala seorang lagi keluar bekerja.

Keluarga terbabit terdiri tujuh beradik dengan lima daripadanya OKU.

Selepas ibu bapa mereka meninggal dunia pada 24 April tahun lalu dan 18 Mac lalu, anak kelima, Nurul Aina Fitrah Abd Rani, 28, menggalas tanggungjawab menjaga tiga beradik berstatus OKU itu, manakala lagi dijaga kakak sulung mereka, Nur Azuraida, 40, di Klang, Selangor.

Menceritakan detik cemas itu, Nurul Aina berkata, sebaik dimaklumkan mengenai kejadian itu dia bergegas pulang memandangkan tiga adik beradiknya yang berstatus OKU itu berada di rumah.

"Sebaik tiba api sudah marak, namun saya lega apabila kakak dan dua adik saya berjaya keluar dan menyelamatkan diri.

"Daripada cerita mereka, adik lelaki yang berada dalam bilik menyedari kepulan asap sebelum memaklumkan kakak. Kakak kemudian menjenguk melalui tingkap dan mendapati suis elektrik sedang terbakar.

"Ketika itu, kakak segera menarik dua adik keluar melalui pintu dapur," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Sementara itu, Nur Azuraida yang terus pulang ke kampung sebaik mendapat berita mengenai kejadian itu mengakui sedih semua kenangan ibu dan bapa yang disimpan terbakar, namun bersyukur semua adiknya terselamat.

"Buat masa ini, saya akan menjaga lima adiknya yang berstatus OKU itu, manakala Nurul Aina akan menumpang di rumah saudara berdekatan kerana perlu bekerja," katanya.

